



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Khamis, 8 Disember 2022**

1	Kekurangan bekalan telur di Johor tidak kritikal
2	'Harga telur turun, kami gulung tikar'
3	Bekalan makanan kurang
4	Jangan naik harga barang asas lebih 10 peratus
5	Jangan import telur dari negara ada wabak unggas
6	-Kerajaan sedang kenal pasti negara sumber import telur -Kekurangan ayam penelur jejas bekalan
7	-Ekspor ke Singapura punca bekalan telur di Johor kurang -Persatuan peniaga makanan syaki wujud sabotaj
8	Lebih RM43j baiki jalan ladang, infrastruktur luar bandar
9	Scrambled egg measures slammed

DISEDIAKAN OLEH :  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Berlaku peningkatan permintaan di Melaka, Negeri Sembilan dan eksport ke Singapura

ISKANDAR PUTERI

**I**su kekurangan bekalan telur ayam dalam pasaran di Johor disifatkan belum mencapai tahap kritis, sebaliknya keadaan itu disebabkan peningkatan permintaan di Melaka dan Negeri Sembilan serta eksport ke Singapura.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, Johor adalah antara pengeluar telur terbesar di negara ini.

"Isu telur di Johor, kita sebenarnya tidak menghadapi kekurangan kritis. Bekalan memang kurang tetapi tidak kritis sebab Johor merupakan antara pengeluar telur terbesar dalam negara."

"Cuma kita maklum kebanyakan di-

SIDANG DUN  
JOHOR

eksport ke Singapura dan dipasarkan ke negeri lain seperti Melaka dan Negeri Sembilan, sebab itu nampak kekurangan. Tetapi dari segi pengeluaran, tidaklah berkurangan, cuma permintaan lebih sebab perlu juga penuhi eksport," katanya

Kepada pemberita di luar persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, di sini pada Rabu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Buloh Kasap berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKM) dan persatuan usahawan tani memaklumkan bekalan makanan melibatkan hasil laut serta tanaman men-



ZAHARI

cukup walaupun berlaku pengurangan kutipan hasil khususnya akibat musim tengkujuh bulan lepas.

"Berdasarkan maklumat, memang terdapat kekurangan pendaratan ikan disebabkan beberapa faktor seperti nelayan kurang turun ke laut tetapi mengikut rekod permintaan musim tengkujuh lepas, bekalan sedia ada mencukupi."

"Situasi sama turut melibatkan hasil pertanian seperti sayuran kerana ada beberapa kawasan penanaman terjejas akibat hujan lebat, namun tidak menjelaskan permintaan bekalan ketika ini," katanya.

Dalam pada itu, Zahari berkata, pihaknya sedang mengatur pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu bagi membincangkan isu-isu berkaitan pertanian di Johor dalam masa terdekat.

"Saya sedang merancang pertemuan dengan beliau untuk menyatakan hal tuju pertanian kerajaan negeri kerana bidaung pertanian merupakan antara sektor eksport utama negeri ini."

"Johor juga perlu kerjasama dengan Pusat bagi menjayakan pelbagai inisiatif yang telah dirancang. Jadi, kami berharap pertemuan tersebut dapat digunakan sebaiknya untuk kesejahteraan dan keterjaminan bekalan makanan, bukan sahaja untuk Johor tetapi juga Malaysia," katanya. - Bernama



SITI NUR AIN menunjukkan pavlova jualannya yang menggunakan 50 papan telur ayam seminggu di Kuala Terengganu semalam.



STOK telur ayam yang semakin berkurangan di sebuah gudang pemerkasa telur di Perak.

Pengusaha ayam telur mahu harga ditentukan melalui pasaran bebas

## 'Harga telur turun, kami gulung tikar'

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR dan KAMALIZA  
KAMARUDDIN

**IPOH** — Pengusaha ayam telur di negeri ini berharap agar kerajaan tidak menurunkan harga jualan hasil ternakan itu kerana ia bakal merjejaskan sumber pendapatan mereka.

Menurut seorang pengusaha ayam telur dikenali sebagai Goh, ramai dalam kalangan mereka bakal gulung tikar jika kerajaan memutuskan untuk menurunkan harga telur ayam.

Menurutnya, harga telur yang tinggi direkodkan ketika ini adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan tersebut, namun mereka percaya ia akan turun



KERATAN Kosmo! semalam.

apabila masalah itu diatasi satuhari nanti.

"Apa yang akan berlaku sekiranya kerajaan membuat keputusan untuk menurunkan harga telur adalah, peniaga-peniaga kecil akan berhadapan dengan kerugian sehingga menyebabkan

mereka terpaksa menutup permagaan."

"Jika keadaan itu berlaku, hanya syarikat-syarikat besar yang akan tinggal dan mendapat keuntungan daripada situasi tersebut," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Kelmanin Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu memaklumkan pihak kementerian telah mengetahui dan pasti beberapa sumber dari luar untuk memampang keperluan bekalan telur ayam dalam kadar segera.

Jelasnya, tindakan itu perlu dilakukan bagi memastikan bekalan telur ayam dalam negara tidak terputus dan bukannya untuk menekan pengusaha industri

telur ayam dan saya menggunakan lebih 50 papan telur ayam sebulan."

"Saya harap kerajaan dapat umumkan segera harga bahan telur ayam impor itu nanti untuk memudahkan saya membuat perancangan permagaan," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Bagi peniaga nasi kandar, Norharizan Hassan, 45, yang menggunakan 100 hingga 150 buah telur ayam setiap hari juga senada dengan Sri Nur Ain.

Dia berkata, kerajaan tidak boleh mengunci mulut terlalu lama kerana dihuatiri peniaga pula yang terpaksa menyerah kerana kos harga bahan mentah itu.

"Bahan utama pavlova adalah

# Bekalan makanan kurang

Bekalan ayam segar, telur, minyak masak peket sukar diperoleh

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
[www.utsusnews.com.my](http://www.utsusnews.com.my)

**PETALING JAYA:** Masalah ketidaktunaan bekalan telur ayam, ayam segar dan minyak masak peket terus membelenggu dan mereksaikan rakyat hingga mencetuskan kekimbangan mereka berisiko berdepan krisis makanan jika ia tidak ditangani segera.

Isu tersebut bukanlah baru, sebaliknya sudah berlariutan hampir enam bulan dan hingga kini belum ada tanda-tanda penyelesaian.

Ia dijangka bertambah meruncing apabila negara sedang memasuki musim tengkujuh yang dalam tempoh tersebut belum rakyat bakal ditambah dengan kenaikan harga ikan ekoran nelayan tidak boleh ke laut.

Bersambung di muka 2



**Tunggu stok telur ayam**  
SEORANG peniaga sebuah kedai runcit di Pasar Chow Kit di ibu negara menunggu ketibaan bekalan telur ayam yang kerap terputus sejak beberapa bulan lalu.  
- UTUSAN/  
FAUZI  
BAHARUDIN  
(Berita penuh di muka 5)

## Bekalan makanan kurang

Dari muka 1

Scenario tersebut sedang mengganggu rantaian makanan negara dan rakyat menunggu formula kerajaan Perpaduan menyelesaikan masalah asas itu.

Pensyarah Program Teknologi Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Mohamad Khairi Mohd. Zainol berkata, kemelut bekalan makanan perlu diberi keutamaan kerajaan kerana ia soal kehidupan rakyat.

Menurut beliau, penggunaan kerajaan untuk mengimport telur ayam bagi mengatasinya masalah tersebut dan memperkenalkan kupon minyak masak peket bersubsidi kepada golongan B40, peniaga-peniaga kecil dan sederhana adalah inisiatif jangka pendek.

Sebaliknya, kata beliau, seharusnya mampu menstabilkan bekalan telur, ayam dan minyak masak peket, kerajaan perlu mencari langkah jangka panjang bagi memastikan rakyat tidak berulang kali mengeluh dengan masalah kekurangan bekalan makanan.

"Kerajaan Perpaduan kena cari formula bagi memastikan bekalan makanan tidak berulang selain harganya stabil.

"Formula import makanan tidak selamat bukan sahaja rakyat perlu membeli dengan harga mahal tetapi lebih dikhuatiri apabila negara sumber tersebut enggan menjual kepada Malaysia kerana mungkin mereka sendiri berdepan masalah kekurangan bekalan di negara sendiri," kata beliau.

Sementara itu, Pensyarah Pengembangan Pertanian dan

**“Formula import makanan tidak selamat, bukan sahaja rakyat perlu membeli dengan harga mahal tetapi lebih dikhuatiri apabila negara sumber tersebut enggan menjual kepada Malaysia”**

MOHAMAD KHAIRI  
MOHD.ZAINOL

Komunikasi, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Jasmin Arif Shah berkata, Malaysia mempunyai banyak tanah terbari yang boleh dimanfaatkan bagi memperbaiki pengeluaran sumber makanan dalam negara melalui pertanian.

Menurut beliau, jika kena dengan inisiatif atau tawaran kerajaan, diyakini ada kumpulan belia sanggup berjinak dalam sektor pertanian bagi memastikan sekuriti makanan Malaysia selamat.

"Ini adalah pendekatan yang baik dan mampu menjana pendapatan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) atau kumpulan belia yang belum ada kerja.

"Setiap negeri ada kawasan terbari yang sesuai untuk per-

tanian atau ternakan. Kita perlukan pendedahan teknologi yang boleh meningkatkan hasilnya. Oleh itu, integrasi antara kementerian, pusat-pusat penyelidikan dan pendidikan perlu bergerak seiring supaya proses pengembangan teknologi samapai kepada golongan sasaran," kata beliau.

Selain itu, kata Jasmin, kerajaan perlu merangka strategi bagi memberi pendidikan dan kesedaran kepada belia untuk menceburi bidang pertanian yang juga mampu memberi pendapatan lumayan.

"Belia ini kalau kita tunjukkan cara bertani atau menernak secara moden dan pulang yang mampu diraih, mungkin ramai sanggup mengusahakan," katanya.

Pensyarah Jabatan Perniagaan dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Norsida Man pula berkata, kerajaan perlu memastikan wujud situasi 'menang-menang' antara pengeluar bekalan makanan dan pengguna berhubung minyak masak bersubsidi, telur dan ayam segar.

Menurut beliau, ini bagi memastikan kedua-dua pihak tidak terus terkesan dengan masalah kekurangan bekalan asas.

"Ada kalanaya apabila berjuang untuk pengeluar sebab pendapatan mereka rendah sebab harga jualan rendah, pengguna pula terkesan. Kalau berjuang untuk pengguna, pengeluar yang terkesan. Di sini kerajaan perlu ada skil rundingan menang-menang supaya kata sepakat boleh dicapai," katanya.

# Jangan naik harga barang asas lebih 10 peratus

Oleh MOHAMAD HAFIZI

MOHD SAID

utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan diminta memastikan bekalan barang keperluan asas bagi rakyat terutamanya golongan B40 mencukupi meskipun dijangka berlaku kenaikan harga tahun hadapan sejajar masalah ekonomi global.

Pakar ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob, berkata, kerajaan perlu memastikan barang keperluan asas bagi golongan B40 terus terjamin.

Menurut beliau, kerajaan melalui menteri-menteri yang dilantik hendaklah sentiasa peka dengan situasi semasa keperluan barang asas bagi mengelakkan kenaikan harga mendadak.

"Golongan B40 mengharapkan makanan asas seperti tepung, gula, minyak masak dan telur ayam sentiasa ada di pasaran kerana itu keperluan mereka.

"Rakyat tidak akan mengadu sekiranya barang asas mudah didapati memandangkan itu



KERAJAAN Perpaduan perlu peka dengan keperluan barang asas rakyat agar sentiasa mencukupi selain jika berlaku kenaikan tidak boleh melebihi 10 peratus. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

keperluan buat ahli keluarga mereka biarpun harganya dinaikkan sedikit," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kata beliau, biarpun berlaku kenaikan harga, kerajaan diharap memastikan kenaikan harga barang asas tidak me-

lebih 10 peratus hingga membebankan mereka.

Abu Sofian juga meminta kerajaan sekarang melihat bagaimana pengurusan kerajaan terdahulu sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) di mana barang-barang asas mudah diper-

oleh dan sentiasa mencukupi.

Oleh itu, kata beliau, kerajaan perpaduan perlu peka dalam semua situasi membuktikan rakyat sekali gus membuktikan kerajaan baharu ini benar-benar mampu menyelesaikan masalah mereka.

## Jangan import telur dari negara ada wabak unggas

**PETALING JAYA:** Kerajaan di gesa mempertimbangkan kembali cadangan mengimport telur bagi mengatasi masalah bekalan yang tidak mencukupi, lebih-lebih lagi jika ia bersumberkan negara-negara yang diserang wabak penyakit unggas seperti selessema burung.

Kelmanir, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, kerajaan mengenal pasti beberapa sumber dari luar sebagai menampung keperluan bekalan dalam negara dengan kadar segera bagi memastikan keterjaminan bekalan telur ayam di pasaran.

Reaksi diterima *Utusan Malaysia* daripada beberapa pemain industri ayam dan telur menyatakan keimbangan bahawa langkah penyelesaian jangka pendek itu berpotensi mengancam keselamatan pengguna.



KELIHATAN bekas telur kosong berikut kekurangan bekalan telur ayam di sebuah kedai runcit di Kangar.

Difahamkan, terdapat ca- dari sebuah negara berdekatan dengan supaya telur diimpor tetapi negara berkenaan sedang

dilanda selessema burung.

Kata satu sumber industri, bekalan telur dari negara berkenaan murah kerana bekalan sumber protein itu sedang dilupuskan di sana akibat penularan wabak selessema burung.

"Harga telur yang ditawarkan untuk dijual dalam negara kita ini memang agak rendah berbanding harga sekarang. Itu kita tak nafikan. Tapi ada masalahnya telur itu berisiko bukan sahaja kepada pengguna tetapi juga industri tempatan," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut, sumber itu berkata, selaku pemain industri yang turut terlibat dalam soal import eksport telur, pihaknya sedia maklum bahawa ayam-ayam telur yang diterima di beberapa wilayah di negara itu sedang sedang dihapuskan bagi mengurangkan penyebaran wabak penyakit itu.

"Kita tahu permainan ini, kebanyakannya ladang-ladang telur yang kena, mereka jual terus telur-telur dengan harga yang sangat murah. Sebab, ayam mereka harus dilupuskan. Jadi, stok telur mereka perlu dijual," kata sumber.

Dalam pada itu, sumber berkata, beliau difahamkan bahawa dalam minggu ini, satu kargo telur akan mula dieksport ke Malaysia.

"Sekarang sudah heboh dalam kalangan pemain industri telur tempatan. Kita desak kerajaan melihat perkara ini sebelum terlambat," kata sumber.

Sementara itu, satu sumber industri lain yang dihubungi berkata, tindakan mengimport telur yang jauh lebih murah, mengancam perniagaan penternak dan pengusaha ladang telur tempatan.

## Kerajaan sedang kenal pasti negara sumber import telur

Oleh Mohamed Farid Noh dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan masih membuat analisis risiko terhadap langkah mengimport telur ayam, untuk memenuhi keperluan pengguna negara ini dalam usaha menurunkan harganya.

Sumber berkata, pemilihan negara yang sesuai sebagai sumber

import telur ayam juga sedang dijenal pasti kementerian itu.

Berdasarkan data diperoleh daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), kapasiti pengeluaran telur ayam tempatan adalah kira-kira 13 bilion biji setahun, hasil operasi membabitkan 260 ladang di seluruh negara.

Berdasarkan kapasiti pengeluaran terbabit, jumlah berkenaan sepatutnya jumlah mencukupi bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, berkata kadar pengambilan telur oleh rakyat Malaysia adalah kira-kira 968 juta biji telur ayam sebulan.

Beliau berkata, langkah mengimport masuk telur bagi memenuhi keperluan tempatan itu hanyalah langkah sementara bagi memastikan bekalanannya sentida berada dalam pasaran.

Nasional 4

## Kekurangan ayam penelur jejas bekalan

Dari Muka 1

"Inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar, bukan untuk menekan penggunaan industri tempatan, sebaliknya bagi memastikan bekalan dalam negara tidak terputus dan kebakitan rakyat terjaga."

"Keperluan membawa masuk telur ayam dari sumber luar juga akan dikaji semula selepas bekalan tempatan kembali stabil. Segala protokol dan tatacara yang ditetapkan kerajaan perlu dipatuhi tanpa kompromi," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Terdahulu, Persatuan Perniagaan Ayam Penelur (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor mendakwa, gangguan bekalan telur masih dihadapi ketika ini, kerana ka-

pasiti pengeluaran baru mencapai 60 peratus.

Setiausaha Lau Ka Leng, berkata kekurangan bekalan telur dalam pasaran kerana berlaku kekurangan ayam penelur di seluruh negara akibat pelbagai faktor.

"Perniagaan ayam sebenarnya menghadapi isu kekurangan ayam penelur sejak beberapa bulan lalu berikutan gabungan faktor isu kekurangan ayam, harga dedak yang terlalu tinggi serta penyakit."

"Kekurangan ayam segar sebelum ini mendorong perniagaan menjual ayam penelur sebagai ayam daging berikutan permintaan tinggi terhadap ayam segar di pasaran."

"Ia menyebabkan kita kekurangan ayam penelur dan pu-

singan telur untuk pasaran juga akhirnya terjejas."

"Harga dedak terlalu tinggi dan penyakit yang menyeringayam juga antara faktor menyebabkan ayam penelur berkurangan, sekali gus jadi punca bekalan telur terus terjejas dan tidak dapat dipenuhi sejak hampir lima bulan lalu," katanya.

Kesimpulan singkat

Sementara itu, Presiden Gerakan, Senator Datuk Dr Dominic Lau, berkata maklum balas diterima pihaknya mendapat, dilema sebenar perniagaan ayam dan telur kini adalah kos makanan

paling tinggi, walaupun subsidi diberikan kerajaan, tetapi masih tidak dapat mengimbangi beban ditanggung mereka.

"Kesannya, ramai perniagaan ayam penelur menghadapi masalah aliran tunai yang serius, menyebabkan banyak ladang kecil gulung tikar. Malah, perniagaan

sederhana dan besar juga mengurangkan pengeluaran bagi meringankan beban kerugian," katanya.

Katanya, mengimport telur sebagai penyelesaian kepada isu kekurangan bekalan itu, tetapi bukannya punca utama, kerana harga telur import sudah pasti

tidak akan murah, berbanding hasil pengeluaran dalam negara.

"Walaupun langkah ini dapat menstabilkan bekalan telur di pasaran, rakyat terpaksa akan telur yang mahal dan harga makanan lain yang berasaskan telur seperti kek, biskut, roti dan makanan bermasaki juga mungkin meningkat dengan sejawarnya," katanya.

Dominic menyarankan kerajaan berkomunikasi dengan industri, supaya dapat mencapai situasi menang-menang atau kata sepakat yang terbaik.

Katanya, ia termasuk meningkatkan subsidi telur bagi menggalakkan perniagaan meningkatkan pengeluaran dan memastikan rakyat dapat membeli telur pada harga lebih rendah.



Dominic Lau

# Eksport ke Singapura punca bekalan telur di Johor kurang

**Masalah tidak kritikal kerana penuhi permintaan luar**

Oleh: Shafiqah Firdaus, MPP  
Ketua Redaksa dan Juhary Indan  
bhnews@bh.com.my

**Iskandar Puteri:** Kekurangan bekalan telur yang berlaku dalam pasaran Johor ketika ini, hanya disebabkan permintaan eksport ke Singapura, selain penghantaran bekalan ke pasaran Melaka dan Negeri Sembilan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip, berkata Johor tidak mengalami masalah kekurangan bekalan telur ayam yang kritikal ketika ini.

"Ibu telur, Johor sebenarnya tidak menghadapi kekurangan kritikal, bekalan memang kurang tetapi tidak kritikal sebab Johor adalah antara pengeluar telur terbesar juga (dalam negara).

"Cuma kita maklum, kebanyakannya dieksport ke Singapura, dan



Zahari Sarip

dihantar untuk pasaran negeri lain seperti Melaka dan Negeri Sembilan, sebab itu nampak kekurangan.

"Bagaimanapun, dari segi penjualan tidaklah berkurangan, cuma permintaan lebih sebab perlu penuhi eksport," katanya dalam sidang media sempena Dewan Undangan Negeri (DUN) di Bangunan Sultan Ismail (HSI) Kota Iskandar di sini semalam.

**Sementara itu,** Zahari berkata, pihaknya juga akan bertemu dengan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, pada masa terdekat bagi membincangkan hal tuju dan perancangan negeri berkaitan bidang pertanian.

"Berkaitan itu, Zahari berkata, yang yakinkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dijangka memberi kenyataan berkaitan keadaan sama," katanya.

Kelmanir, media melaporkan dalam usaha menampung keperluan pasaran tempatan pada harga yang lebih rendah, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengimport bekalan telur daripada beberapa negara sumber yang sudah di-



Pekerja menyusun stok telur di sebuah pasar raya di Bandar Baru Uda, Johor, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

kenal pasti dengan segera.

Menterinya, Mohamad Sabu, menyatakan antara langkah jangka pendek yang diambil kerementerianya, selain akan memastikan telur ayam yang direntas itu selamat daripada penyakit dan menepati piawaian ditetapkan.

Sementara itu di Tamparuli Sabah, ketiadaan bekalan telur ayam yang dihadapi pengguna daerah itu sejak Ahad lalu, selepas apabila pembekal kembali menghantar bekalan kepada pra-

mis perniagaan semalam.

Tinjauan mendapati, bekalan ayam mula bertimbun di premis perniagaan seperti kedai runcit dan pasar raya sejak awal pagi.

Berikut itu, pengguna mula datang membeli telur ayam yang dijual mengikut gred bermula pada harga RM14 satu papan.

Peniaga, Jenny Wong, 52, berkata tiada had pembelian dikenakan kepada pengguna, memandangkan stok telur ayam masih banyak untuk memenuhi keperluan.

"Walaupun tiada had pembelian, namun kami menggalakkan pengguna hanya membeli mengikut keperluan supaya pengguna lain tidak kehabisan stok."

"Masalah ketidiana bekalan telur ayam selama empat hari lalu, berpunca pembekal lewat menghantar bekalan kepada peniaga," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, pembekal akan menghantar telur ayam kepada premis perniagaan dua minggu sekali.

## Persatuan peniaga makanan syaki wujud sabotaj

**Johor Bahru:** Sebuah persatuan peniaga makanan yang menuangi lebih 2,000 peniaga di negeri ini, mengesyaki berlaku aktiviti sabotaj berhubung isu ketiadaan telur ayam dalam pasaran negera.

Jurucakap persatuan itu, berkata ia berikutan peniaga makanan, terutama ahlinya yang mengusahakan kira-kira 400 restoran di negeri ini, tidak pernah mengalami gangguan bekalan telur sejak lima bulan lalu.

Malah katanya, pembekal bersedia memenuhi beberapa sahaja kuantiti diperlukan peniaga serta tidak pernah gagal menghantarnya, walaupun negara didakwa berdepan isu kekurangan telur kritikal.

Bagaimanapun katanya, peniaga makanan khususnya ahli persatuan itu terpaksa membayar pada harga berkali ganda tinggi, untuk mendapatkan bekalan di perlukan.

"Peniaga makanan terutama

ahli kami tidak pernah berhadapan isu ketiadaan telur ayam sejak lima bulan lalu.

"Jika ada peniaga yang tidak menjual menu berbasiskan telur, itu bukan kerana mereka tiada bekalan tetapi harganya yang tidak munasabah, sekali-gus menyurarkan penetapan harga kepada pelanggan.

"Ahli kami menggunakan ham-pir 15,000 biji telur sehari untuk menyediakan pelbagai menu diminati terutama roti telur dengan kami tidak menghadapi masalah untuk mendapatkannya.

"Namun harga yang perlu dibayar untuk seapan telur gred D adalah antara RM18 hingga RM20 seapan, berbanding hanya RM11 hingga RM13 sebelum ini.

"Malah, harga telur ditawarkan kepada kami, pernah melonjak kepada RM25 hingga RM28 seapan baru-baru ini, sebelum ia kembali berada pada paras harga RM18 hingga RM22 seapan," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun katanya, peniaga

isu ketiadaan telur ayam bersubidi bermula dari gred A hingga E di pasaran seluruh negera sejak lima bulan lalu merimbalkan rungutgan ramai kerana ia sukar diperoleh di pasaran.

Sebaliknya, pasaran dipenuhi dengan telur premium yang harganya lebih mahal dan tidak dikawal kerajaan.

Dalam pada masa sama, jurucakap persatuan itu mendakwa aduan pencatutan harga telur pernah dibuat kepada pihak berkuasa, namun tiada tindakan konkret yang diambil setakat ini.

"Ahli kami pernah beberapa kali membuat aduan mengenai pencatutan harga telur yang melonjak tidak masuk akal kepada Kementerian Perdagangan, Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), namun aduan itu akhirnya diketahui pengedar

dan pemberong.

"Akibatnya, pengedaran dan pemborong mengancam tidak lagi membekalkan bahan mentah terutama telur ayam menyebabkan ahli yang membuat aduan kini 'tutup mulut' bagi mengelakkan mereka dibokot dan barangan tidak dihantarkan.

"Apabila meneliti isu dakwaan ketiadaan telur ayam ini, ia sebenarnya tidak berlaku. Jika telur tiada, kenapa ahli kami mudah sahaja mendapat bekalan telur sehingga hampir 15,000 biji sehari tanpa gagal sejak lima bulan lalu.

"Malah, saya beberapa kali pergi ke Singapura dan melihat lambaran telur di sana. Saya juga bertanya pada masyarakat di sana yang mengakui hairan dengan isu telur di Malaysia kerana mereka tidak pernah langsung hadapi isu kekurangan bekalan telur walaupun bahan mentah itu dihantar dari negara kita," katanya.

Berikut itu, beliau berharap Kerajaan Perpaduan menyiasat sehingga ke akar umbi isu bahan mentah, terutama telur yang dianggap berlaku sabotaj bagi menekan kerajaan supaya harga telur bersubsidi dinaikkan.

"Saya mendedahkan isu ini kerana seolah-olah terhadap usaha terancang mengenai kekurangan telur di negara kita sehingga masyarakat kita ditipu dan ditindas kartel industri telur dan ayam."

"Ia perkara sama yang berlaku terhadap bekalan ayam segar. Kami peniaga makanan tidak pernah hadapi isu kekurangan ayam segar dengan syarat bersedia membayar bahan mentah itu dengan harga tinggi."

"Kerajaan perlu menyiasat tindakan sabotaj begini yang hanya menyusahkan dan mengusik masyarakat. Mereka yang melakukan tindakan sabotaj ini adalah pengkhianat negara demi mendapat keuntungan besar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8.12.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Sidang DUN Johor

## Lebih RM43j baiki jalan ladang, infrastruktur luar bandar

**Iskandar Puteri:** Lebih RM43 juta diperlukan untuk membina, meningkat taraf dan membaiki jalan ladang serta infrastruktur di kawasan luar bandar di Johor sepanjang tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip berkata daripada jumlah itu, RM31.45 juta disediakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor, manakala RM12.18 juta daripada Kementerian Pembangunan Luar

Bandar (KPLB).

Beliau berkata, inisiatif itu bukan saji memberi banyak manfaat kepada penduduk setempat, malah membuat melancarkan urusan pengusaha ladang dan petani.

"Pengusaha ladang akan di-

bantu dalam pembangunan ladang seperti pembangunan sistem pengairan, saliran dan perparitan, pembinaan jambatan, titi, jalan ladang, penyediaan pagar, pembinaan bangsal kompos serta pembinaan

stor bahan input.

"Bagi pembinaaan jalan ladang di dalam satu lot kawasan projek yang diusahakan, insentif yang diberikan bergantung pada keleluasan terabit, mengikut perkadarannya. Insentif iaitu maksimum RM20,000 perhektar," katanya.

Beliau menjawab soalan lisan Ng Kor Sim (PH-Jementah) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di Bangunan Sultan Ismail, di sini, semalam. Zahari berkata, menerusi pe-

runtukan itu, JPS Johor melaksanakan 242 projek, merangkumi sembilan projek lintasan jalan ladang; projek infrastruktur perairan, saliran pertanian dan asas tani (16 projek) dan projek penyelenggaraan jalan luar bandar di bawah Marris (217 projek).

"Melalui peruntukan KPLB pula, sebanyak 188 projek jalan perhubungan desa (JPD) di seluruh negeri dilaksanakan, melebihi taluan sejauh 517.44 kilometer.

"Muar adalah daerah dengan jumlah bilangan projek tertinggi iaitu 51 projek, dengan nilai RM3.43 juta; diikuti Batu Pahat (38 projek, RM2.29 juta); Tangkak (29 projek, RM1 juta); Segamat (27 projek, RM2.4 juta) dan Pontian (17 projek, RM570,000)," katanya.

Selain itu, katanya, sebanyak RM1.25 juta dibelanjakan bagi melaksanakan 14 projek penyelenggaraan sistem saliran atau sungai di seluruh negeri bagi tujuan pertanian. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8.12.2022	THE STAR	NATION	10

## Scrambled egg measures slammed

**By IYLLIA MARSYA ISKANDAR**  
iylliamarsya@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Egg producers and wholesalers are calling for more practical solutions to deal with the egg shortage, such as halting exports and subsidising the production of chicken feed, to help stabilise the market.

They said that they were operating with higher costs and if more eggs are imported, this would cause them economic losses as the price of eggs will go down.

Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin suggested the government halt price controls on eggs and stop exports temporarily to ensure there will be enough supply.

He suggested the prices of eggs be raised by five to 10sen.

“Due to the shortage of A, B, C grade eggs at the moment, people have no choice but to buy Omega eggs at 75sen each, which is more expensive than A, B and C grade eggs, which are priced at 41sen to 45sen.

“The shortage is affecting food and beverage operators, mamak restaurants and also consumers, which subsequently raises their daily expenses,” he said.

He questioned why Malaysia was exporting eggs to Singapore and

Hong Kong when there is a lack of supply here.

“We should take the simple step like many other countries have done, where when there is a shortage, they stop exporting so there is enough supply at home,” he added.

On Tuesday, Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu announced that Malaysia would temporarily import chicken eggs as a stopgap measure to address the country’s egg shortage until a long-term solution is found.

He also assured the people that the initiative was not designed to pressure local egg producers through competition, but to prevent disruptions to the domestic egg supply.

Arneer called on Mohamad to clarify the mechanism to import chicken eggs.

“Can anyone import the eggs or can only the government do this? As far as I know, the government is not in the business of importing. The government is there to facilitate and businesses are supposed to import,” he said.

He added that the minister has not given details of countries and breeders from which Malaysia will be importing eggs.

Ameer said he believes egg imports should come from ASEAN

countries as they are nearer to Malaysia.

“Chicken eggs have a very short lifespan of 21 days. It is almost impossible to import eggs from places further away due to logistics.

“We have to import from ASEAN countries because we can’t import eggs from Brazil.

“But, eggs from ASEAN neighbours would be more expensive, so how are we going to import eggs if the prices are higher than in Malaysia?” he said, adding that there will be more demand for eggs in the coming months due to festivities.

Egg producer Simple Eggs attributed the current shortage to the hike in prices of chicken feed, bad weather and the labour shortage.

It said chicken feed prices have increased by around 20% to 30%, while the current labour shortage has caused higher operation costs.

The company said it raises free-range chickens.

“But the downside is that we are prone to uncertain weather conditions. Due to the rainy season, our production rate has dropped by at least 50%,” a spokesman said.

Instead of importing eggs, Simple Eggs asked the government to control the cost of chicken feed as most of the ingredients in the feed are imported.

Another option is to ask more farmers to plant corn or subsidise the cost of production of corn so that more chicken feed can be made locally.

An egg supplier based in Selangor, who requested anonymity, believes the price of eggs will go down if the government decides to import them.

“If the government imports eggs, there will be market competition which will cause the price of eggs to drop,” he added.

He added that the current egg shortage is quite severe, and that his business is seeing demand that he can’t cope with.

“For example, if I receive only one order for each customer then, now I will get 10 orders per customer,” he said.

He said if eggs are imported, the situation will be similar to what is happening to local chicken manufacturers who produced chicken parts such as chicken wings, boneless legs and chicken fillets.

“Consumers are more inclined to purchase cheaper chicken from Thailand. Thai chicken is priced at RM9.20 per kg, while local chicken is RM12.50 per kg,” he said.

This, he said, will cause local manufacturers to sell their stocks at lower prices, but they will incur heavy losses.